

19 September 2019 (Rabu)

Tambah cawangan

■ **KFC Malaysia pertimbang buka lebih banyak rangkaian restoran di Bandar Sri Sendayan**

Nur Aqidah Azizi
nur@nstp.com.my

Seremban

KFC Malaysia dan Matrix Concepts Holdings Berhad mempertimbangkan kemungkinan untuk membuka lebih banyak cawangan KFC di Bandar Sri Sendayan pada masa akan datang berikutan kejayaan pelancaran dan pembukaan cawangan pertama di sini, semalam.

Pengarah Urusan QSR Brands (M) Holdings Bhd, Datuk Seri Mohamed Azahari Kamil berkata, berdasarkan sambutan yang menggalakkan sejak dibuka pada 1 September lalu, pihaknya yakin pembukaan beberapa cawangan baru di sini pada masa akan datang dapat menampung permin-

taan penduduk yang semakin meningkat.

"Kami gembira dan berbesar hati dapat bekerjasama dengan Matrix dan sudah pasti kami ingin teruskan kerjasama pada masa akan datang. Kami percaya peningkatan bilangan penduduk di sini menyumbang kepada permintaan yang tinggi terhadap KFC.

"Kami membuka 21 cawangan KFC baru di seluruh negara daripada 23 yang kami sarankan pada tahun ini. Walaupun dengan perubahan kerajaan, perniagaan berjalan seperti biasa dan setakat ini impaknya positif kerana kami menawarkan harga makanan berpatutan dan kami percaya ia menarik lebih ramai



FAKTA
21 cawangan KFC
baru dibuka
di seluruh negara

GREG (lima dari kiri) bersama Tan Hock (dua dari kiri) dan Mohamed Azahari (empat dari kanan) pada Majlis Pembukaan Cawangan ke-700 KFC di Bandar Sri Sendayan, semalam.

pelanggan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas pelancaran cawangan KFC ke-700 di Bandar Sri Sendayan di sini, yang dirasmikan Ketua Pegawai Elektrik Yum! Brands Inc, Greg Creed.

Turut hadir, Pengerusi QSR Brands, Datuk Kama-

ruzzaman Abu Kassim dan Pengarah Urusan Kumpulan Matrix Concepts Holdings Berhad, Datuk Lee Tian Hock.

Restoran KFC yang beroperasi selama 24 jam itu yang dapat menampung 170 pelanggan pada satu masa turut dilengkapi kemudahan pan-

Dibina di atas tanah seluas 0.4 hektar di Sendayan Metro Park, cawangan ini dibina dengan teknologi mesra alam dan penjimatan tenaga termasuk sistem pengumpulan air hujan, pencahayaan LED, tiub lampu solar, lampu sensor gerakan dan kaca beremesi rendah sebagai sebahagian daripada

tanggungjawab syarikat terhadap alam sekitar.

Lee berkata, syarikat itu menyasarkan untuk membuka sekurang-kurangnya empat lagi restoran KFC di Bandar Sri Sendayan dengan penduduk di bandar moden itu dijangka mencapai 120,000 orang pada masa akan datang.